

# MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

## GARIS PANDUAN & BORANG PERMOHONAN

### PERAKUAN PENDAFTARAN SEMENTARA

#### Sila maklum:

- a. Maklumat ini disampaikan khusus bagi membantu anda.
- b. Sila baca dengan teliti setiap maklumat berikut sebelum melengkapkan borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya SETIAP peraturan yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan berpunca dari kesilapan anda sendiri.

1. **Akta Perubatan 1971** mewajibkan individu yang ingin mengamal profesyen perubatan di Malaysia perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Oleh yang demikian, permohonan anda hendaklah dikemukakan kepada MPM sebelum mengamal;
2. Selaras dengan peruntukkan **Seksyen 12** dan **Seksyen 13, Akta Perubatan 1971, Perakuan Pendaftaran Sementara** melayakkan pegawai perubatan siswazah menjalani latihan klinikal bagi tujuan pendaftaran penuh dibawah **seksyen 14** Akta tersebut.
3. Untuk melayakkan diberi pendaftaran sementara, anda perlu:
  - a. Memiliki ijazah asas perubatan yang tersenarai di dalam **Jadual Kedua** Akta Perubatan 1971 atau lulus ujian kelayakan Perubatan dibawah **seksyen 12(1)(aa) Akta Perubatan**; dan
  - b. Dilantik oleh perkhidmatan awam.
4. Pegawai perubatan yang berdaftar sementara **layak mengamal** sebagai **pegawai perubatan siswazah** di hospital-hospital yang diperakukan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan di bawah **seksyen 13**, Akta tersebut;
5. Bagi memohon **Sijil Perakuan Pendaftaran Sementara**, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
  - 5.1. Borang Permohonan Pendaftaran Sementara **BORANG 4**;  
  
Borang permohonan harus diisi dengan HURUF BESAR seperti yang tertera di kad pengenalan atau pasport dan sebaik-baiknya ditaip. **Sila pastikan semua ruangan wajib bertanda \* diisi lengkap.**  
  
\*Untuk alamat tempat tinggal dan surat menyurat, sila gunakan **alamat di Malaysia.**
  - 5.2. Borang di **Lampiran A** (*borang Maklumat Tambahan*);
  - 5.3. **Surat asal dekan** atau salinan Ijazah Asas Perubatan diiktiraf yang disahkan; (Untuk Graduan dari **universiti Indonesia** – Salinan *Ijazah Sarjana Kedokteran dan Ijazah Kedokteran* yang disahkan.

- 5.4. Salinan sijil *Rotating Houseman/Internship* dan *Bonafide Student* (**Untuk graduan dari universiti India sahaja**).
- 5.5. Sesalinan transkrip meliputi **keseluruhan** tempoh pengajian dan
- 5.6. Dokumen-dokumen lain yang dinyatakan di dalam **senarai semak/ checklist** di bawah.
6. Selaras dengan kehendak **seksyen 19 Akta Perubatan 1971**, anda dikehendaki mengemukakan sesalinan laporan perubatan terkini **dan sijil cuti sakit**, sekiranya anda:
  - 6.1. mempunyai masalah fizikal atau mengidap penyakit yang boleh menggugat tugas profesional; dan/atau
  - 6.2. menghadapi masalah mental dan/atau pernah dimasukkan ke hospital kerana penyakit mental.
7. **SEMUA** dokumen hendaklah di sahkan mengikut **Garis Panduan Pengesahan Salinan Dokumen** yang ditetapkan;
8. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah;
9. Sekiranya dokumen asal dalam bahasa **selain** Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, sila kemukakan salinan terjemahan dokumen tersebut dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris bersama salinan dokumen dalam bahasa yang asal yang disahkan. Terjemahan dokumen daripada penterjemah berkeelayakan atau pegawai dari kedutaan yang berkenaan sahaja diterima.
10. Yuran pendaftaran berjumlah **RM20.00** (Dua Puluh Ringgit) (**selaras Peraturan 25, Peraturan Perubatan 1974**) boleh dibuat dalam dalam bentuk Deraf Bank, kiriman wang atau wang pos atas nama '**Pendaftar Pengamal Perubatan**'. Sila isi nama dan nombor kad pengenalan di belakang slip bayaran tersebut;
11. Permohonan boleh dikemukakan secara peribadi atau melalui pos;
12. Anda dinasihatkan untuk menyimpan salinan dokumen-dokumen yang dihantar sebagai rujukan masa hadapan;
13. Permohonan anda hendaklah di alamatkan kepada:

***Pendaftar Pengamal Perubatan  
Majlis Perubatan Malaysia,  
Aras 2, Blok E1, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 PUTRAJAYA.***
14. Sila rujuk **senarai semak** yang dilampirkan sebelum mengemukakan permohonan;
15. Sebaik permohonan anda diterima, anda akan dimaklumkan secara bertulis dengan segera sekiranya:
  - a. Anda layak untuk mengamal, anda dibenarkan untuk melapor diri dan mengamal; atau
  - b. Permohonan anda tidak lengkap dan dikehendaki memberi maklum balas segera. Permohonan anda akan diproses dan diluluskan setelah dokumen-dokumen lengkap.

16. **Sijil Perakuan Pendaftaran Sementara (Borang 5)** diproses dalam masa **empat (4) minggu** . (Nota - Surat yang dikeluarkan di bawah para 15(a) adalah mencukupi untuk anda mula mengamal. Anda **TIDAK** perlu menunggu Sijil tersebut siap).
17. Sijil akan dihantar secara pos. Sekiranya anda ingin mengambilnya sendiri di pejabat kami, sila nyatakan dengan jelas di dalam borang permohonan. Jika anda ingin mewakili orang lain mengambil bagi pihak anda, sertakan surat kuasa untuk membenarkan orang tersebut mengambil bagi pihak anda.
18. Sekiranya terdapat perubahan alamat, sila maklumkan segera secara bertulis dengan melengkapkan **Borang Maklumat Tambahan** yang baru.
19. Sila **hubungi kami** sekiranya anda:
  - a. Tidak dimaklumkan apabila permohonan anda di terima/hantar;
  - b. tidak mendapat sebarang maklumbalas selepas tempoh proses permohonan tamat; dan/atau
  - c. memerlukan sebarang bantuan atau mempunyai pertanyaan.

Kerjasama anda amat dihargai. Terima kasih.

Yang benar,



**DR. HJ. WAN MAZLAN BIN HJ. MOHAMED WOJDY,**  
Setiausaha.

Tarikh: **14 September 2008.**

**Semakan:**

Pertama: **18 Disember 2008.**

Kedua: **11 Jun 2009.**

**BORANG 4**

(Peraturan 20)

*AKTA PERUBATAN 1971*

(Seksyen 12)

*PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 1974*

**PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEMENTARA**

1. Nama Penuh Pemohon\* .....
2. No. Kad Pengenalan\* .....-.....-.....
3. Taraf Kewarganegaraan\* .....
4. Tarikh Lahir\*: ...../...../.....
5. (a) Alamat Kediaman Tetap\*: .....  
.....  
(b) Alamat Perhubungan Pos (Jika Berlainan).....  
.....
6. Butir-butir Kelulusan\*:  
(a) Perihal Kelulusan (tuliskan dengan penuh):.....  
(b) Institusi yang memberi kelulusan: .....  
(c) Tarikh kelulusan:.....
7. Saya lampirkan surat-surat berikut sebagai bukti kelulusan saya bagi menyokong permohonan ini\*:  
(a) No. Sijil Kerakyatan (Jika ada).....  
(b) Sesalinan Ijazah Perubatan dan sebagainya yang berikut: .....  
.....  
.....
8. Saya lampirkan\*:  
(a) Dokumen sebagai bukti telah dipilih \* bagi (tertakluk saya didaftarkan sementara/dikecuali daripada pekerjaan atas jawatan perubatan bertempat tinggal dibawah seksyen 13(2) Akta Perubatan 1971); dan  
(b) Dokumen sebagai bukti telah dipilih untuk berkhidmat dalam kelayakan perubatan dibawah seksyen 13(3) Akta Perubatan, tertakluk kepada saya didaftarkan sementara dan berpuas hati dengan peraturan dibawah seksyen 13(2) Akta Perubatan.

Tarikh\*: ...../...../.....

.....  
*Tandatangan pemohon\**

---

*\* Potong mana yang tidak berkenaan.*

---

## PENGAKUAN

Saya, (nama penuh)\*.....  
pemohon yang tersebut diatas, dengan ini mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah dokumen-dokumen asal yang berkaitan dengan saya.

Saya selanjutnya mengaku bahawa selepas didaftarkan sementara, saya akan menjalani pekerjaan dalam jawatan bertempat tinggal menurut peruntukan-peruntukan seksyen 13(2) Akta Perubatan \* dan, segera melaksanakan tugas, dalam perkhidmatan dalam keperluan perubatan perkhidmatan awam dibawah seksyen 13(3) Akta Perubatan.

Saya telah tidak pada bila-bila masa didapati bersalah bagi apa-apa kesalahan melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak yang boleh dikenakan hukuman penjara (sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan atau sebagai ganti sesuatu denda) selama tempoh dua tahun atau lebih.

Tarikh\*...../...../.....

.....  
*Tandatangan pemohon\**

---

## PERAKUAN PENGENALAN SAKSI

Saya, (nama penuh)\*.....  
yang beralamat di (alamat penuh)\* .....  
.....  
sebagai (kedudukan profesional)\*.....  
dengan ini memperakui bahawa (nama pemohon)\* .....  
yang memohon untuk didaftarkan sebagai pengamal perubatan adalah seorang yang saya kenali dan beliaulah orang yang namanya terdapat pada permohonan ini.

Tarikh\*...../...../.....

.....  
*(Tandatangan)\**  
*Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh*  
*atau Peguambela & Peguamcara atau*  
*Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan*  
*dan Iktisas Perkhidmatan Awam*

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### PERMOHONAN PERAKUAN PENDAFTARAN SEMENTARA

Sila lekatkan  
gambar berukuran  
pasport terkini anda  
disini  
(35mm x 45mm)

1. NAMA\*: Dr. ....  
(Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan/Pasport)

2. NAMA LAIN: .....  
(Jika ada)

3. KEWARGANEGARAAN\*: .....

4. JANTINA\*: Lelaki/Wanita (Sila pilih satu)

5. STATUS PERKAHWINAN: Bujang/Kahwin/Duda/Balu/Janda (Sila pilih satu)

Jika kahwin: Nama pasangan: .....

Pekerjaan: ..... Warganegara: .....

6. ALAMAT: Rumah: .....  
.....

Pos: .....  
.....

7. KOMUNIKASI\*: Telefon - Pejabat: .....-..... Faks: .....-.....

Bimbit: .....-.....

Emel: Rasmi:.....@.....

Peribadi:.....@.....

8. IJAZAH ASAS PERUBATAN\*:

Nama universiti yang menganugerah: .....

Nama ijazah: .....

Tarikh Anugerah: .....

9. CARA PENGHANTARAN SIJIL: Sila ✓ satu sahaja

a. Sila pos  b. Ambil Sendiri  c. Mewakilkkan seseorang

Tandatangan Pemohon\*: \_\_\_\_\_ Tarikh\*: \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_

## LAMPIRAN SENARAI SEMAK /CHECKLIST:

### 1. Dokumen berikut perlu disertakan oleh **SEMUA pemohon:**

- 1.1. Borang Permohonan Perakuan Pendaftaran Sementara (**Borang 4**) lengkap.
- 1.2. Borang di **Lampiran A**.
- 1.3. Surat **Asal** Dekan **atau** salinan ijazah asas perubatan yang disahkan (Sila tentukan tarikh lulus sekiranya tidak dinyatakan di mana-mana dokumen).
- 1.4. Transkrip peperiksaan bagi **keseluruhan** pengajian ( Dikecualikan untuk Universiti Awam Tempatan).
- 1.5. Gambar berukuran paspot.
- 1.6. Yuran permohonan **RM20** dalam bentuk deraf bank, kiriman wang atau wang pos atas nama **Pendaftar Pengamal Perubatan**.
- 1.7. Sekiranya dokumen asal bukan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris:
  - a. Dokumen terjemahan
  - b. Salinan dokumen dalam bahasa asal yang disahkan.
- 1.8. Salinan laporan perubatan/sijil cuti sakit yang disahkan sekiranya ada.

### 2. Dokumen **tambahan** berikut perlu disertakan oleh pemohon **warga-negara Malaysia sahaja:**

- 2.1. Salinan kad pengenalan yang disahkan.
- 2.2. Salinan Sijil Kelahiran yang disahkan.
- 2.3. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf atau surat tawaran SPA yang disahkan.

### 3. Dokumen **tambahan** berikut perlu disertakan oleh pemohon **bukan warga-negara Malaysia sahaja:**

- 3.1. Salinan Pasport yang disahkan (Bukan Warganegara) yang disahkan.
- 3.2. Salinan surat tawaran SPA yang disahkan.
- 3.3. Salinan sijil perkahwinan bagi pasangan yang berkahwin dengan warga-negara yang disahkan, jika ada.

### 4. Dokumen **tambahan** berikut perlu disertakan oleh **graduan dari universiti India sahaja:**

- 4.1. Salinan sijil *Student Bonafide* yang disahkan.
- 4.2. Salinan sijil *Rotating Internship* yang disahkan.

### 5. Dokumen **tambahan** berikut perlu disertakan oleh **graduan dari universiti Indonesia sahaja:**

- 5.1. Salinan Sarjana Kedokteran (S.KED) yang disahkan.
- 5.2. Salinan Ijazah Kedokteran (Ijazah Profesi Dokter) yang disahkan.

# MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA


## GARIS PANDUAN PENGESAHAN DOKUMEN

### **Sila ambil perhatian:**

- a. Maklumat ini disediakan khusus bagi membantu anda.
- b. Sila baca setiap maklumat berikut dengan teliti sebelum melengkapkan borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya **SETIAP** terma dan syarat yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Majlis Perubatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kelewatan ekoran ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan.

1. Garispanduan Pengesahan Dokumen adalah untuk memastikan bahawa setiap dokumen yang dikemukakan oleh pengamal adalah asli dan pegamal tersebut merupakan pemilik yang sebenar.
2. Setiap salinan pendua dokumen dianggap **sempurna** pengesahan dan diterima pakai oleh Majlis Perubatan Malaysia jika ia mengandungi ciri-ciri berikut:
  - 2.1 Salinan dokumen **perlu** ditandatangani oleh individu yang memegang jawatan berikut:
    - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
    - b. Peguambela dan Peguamcara;
    - c. Pesuruhjaya Sumpah;
    - d. *Notary Public*;
    - e. Pegawai Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia diluar negara Kumpulan Pengurusan dan Profesional; atau
    - f. Jaksa Pendamai.
  - 2.2 Pengesahan perlu dibuat pada **SETIAP MUKA SURAT** dokumen yang dikemukakan.
  - 2.3 **SETIAP** salinan pendua dokumen yang disahkan **perlu** mengandungi butiran-butiran berikut:
    - a. Nama penuh pengesah;
    - b. Jika pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM), Nombor Pendaftaran Penuh MPM;
    - c. Jawatan pengesah;
    - d. Alamat lengkap pengesah;
    - e. Butiran pengesahan seperti nama, jawatan dan alamat pengesah yang dicop;
    - f. Pengesah mestilah menurunkan **tandatangan penuh** dan bukannya tandatangan ringkas atau *initial*; dan
  - 2.4 Dokumen yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu disertai cop mohor atau lakri sebagaimana Peraturan 19, Peraturan Pesuruhjaya Sumpah 1993 dibawah *Courts of Judicature Act 1964*.

3. **Contoh** pengesahan dokumen **lengkap dan diterima** adalah seperti berikut:



4. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah.
5. Sekiranya dokumen asal bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, anda perlu mengemukakan versi terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris berserta salinan dokumen asal yang telah disahkan. Dokumen terjemahan hanya akan diterima sekiranya ditejemahkan oleh penterjemah yang berkelayakan atau pegawai dari kedutaan yang berkenaan.
6. Mana-mana pengesahan salinan pendua dokumen yang tidak mematuhi perenggan garis panduan, akan dianggap sebagai **TIDAK SAH** dan **DITOLAK**.
7. Pengesahan salinan pendua dokumen juga akan dianggap **TIDAK SAH** dan **DITOLAK** jika:
- Pengesahan dilakukan oleh individu atas dasar 'bagi pihak' pengesah tanpa maklumatnya sendiri;
  - Tandatangan tidak seragam atau berbeza diantara salinan pendua dokumen-dokumen yang ditandatangani oleh individu yang sama.
8. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila **hubungi kami**.

Kerjasama anda amat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

## **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya Yang Menurut Perintah,

**Dr. Hj. Wan Mazlan bin Hj. Mohamed Woojdy,**  
Setiausaha.

Tarikh: **14 September 2008.**

**Semakan :**

Pertama: **18 Disember 2008.**

Kedua : **11 Jun 2009.**